

23/03/2005

JANGAN TERLAKU BERSIKAP PERKAUMAN, NASIONALIS UNTUK CARI PENGETAHUAN

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata setiap orang seharusnya tidak terlalu bersikap nasionalis atau terlalu perkauman ketika mendapatkan ilmu pengetahuan.

Beliau berkata pengetahuan datang dalam pelbagai bentuk dan bahasa yang ada ketikanya bahasa asal perlu difahami sebelum sesuatu pengetahuan itu diperoleh.

"Kita tidak sepatutnya enggan belajar bahasa lain kerana ia akan membolehkan kita mendapat pengetahuan," katanya dalam ucapannya pada kempen sempoa dan arthmetik mental di Wisma MCA malam ini.

Kerajaan sendiri katanya memutuskan untuk melaksanakan pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris kerana ia merupakan bahasa sejagat.

"Kita tidak akan hilang identiti perkauman dan nasional kita jika kita bercakap bahasa Inggeris. Malah kita mesti belajar apa sahaja bahasa untuk mendapatkan pengetahuan," katanya.

-- BERNAMA
YBK AFY LAT